

## Kompetensi Libat Urus Komuniti dalam Kalangan Pengetua Yayasan Islam Kelantan (YIK) terhadap Penyampaian Dasar-Dasar Kerajaan Negeri (Competence Involving Community Management Among The Principals Of The Kelantan Islamic Foundation (YIK) Regarding The Delivery Of State Government Policies)

Mohamad Yusoff & Azizi Umar

### ABSTRAK

*Kompetensi seseorang pengetua memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah kerajaan dalam konteks hubungannya dengan komuniti. Kajian ini bertujuan meninjau bagaimana kompetensi libat urus komuniti dalam kalangan pengetua sekolah Menengah Yayasan Islam Kelantan (YIK) terhadap penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri Kelantan. Metodologi yang digunakan ialah kaedah persampelan bertujuan iaitu temubual separa berstruktur kepada enam pengetua yang berpengalaman. Dapatan kajian menunjukkan lima kompetensi libat urus komuniti yang membantu pengetua YIK menyampaikan dasar-dasar kerajaan negeri Kelantan iaitu kompetensi pengetua dalam membina hubungan dengan ibubapa, kompetensi dalam menyampaikan ilmu-ilmu semasa di masjid termasuk dasar-dasar kerajaan, kompetensi penglibatan pengetua dalam aktiviti-aktiviti sosial (NGO), kompetensi dalam mendokong program dan aktiviti komuniti anjuran kerajaan semasa (government of the day) dan kompetensi dalam menyelesaikan masalah setempat. Kebolehan pengetua dalam menguasai kompetensi libat urus komuniti tersebut mampu mempercepatkan pemahaman dan penghayatan dasar-dasar kerajaan negeri Kelantan.*

*Kata kunci: Kompetensi, libat urus komuniti, pengetua, penyampaian dasar, kerajaan negeri*

### ABSTRACT

*The competence of a principal plays an important role in the development of a government in the context of its relationship with the community. This study aims to examine how the competence of community management among the principals of Yayasan Islam Kelantan (YIK) secondary schools is related to the delivery of Kelantan state government policies. The methodology used is a purposive sampling method which is a semi-structured interview with six experienced principals. The findings of the study show five competencies involved in community management that help YIK principals convey the policies of the Kelantan state government, which are principals' competence in building relationships with parents, competence in conveying current knowledge in the mosque including government policies, competence in principals' involvement in activities social (NGO), competence in supporting community programs and activities organized by the current government (government of the day) and competence in solving local problems. The principal's ability to master the competence involved in community management is able to speed up the understanding and appreciation of the policies of the Kelantan state government.*

*Keywords: Competence, community involvement, principals, policy delivery, state government*

### PENGENALAN

Setiap dasar yang digubal oleh kerajaan, seperti Dasar Pendidikan mengandungi segala arahan, peraturan dan garis panduan yang menjadi asas untuk melaksanakan cita-cita yang terkandung di dalamnya demi mencapai matlamat kepimpinan negara atau negeri iaitu mewujudkan sebuah pentadbiran yang gemilang, disegani dan progresif. Dasar awam merupakan suatu program atau undang-undang yang

diperkenalkan oleh pihak kerajaan di dalam sesebuah negara bagi mengatasi masalah atau isu yang berlaku di dalam sesebuah negara (Hanim Ismail et al. 2021)..

Setiap organisasi mempunyai seorang ketua atau pemimpin yang bertindak selaku pentadbir dalam memacu dan memangkin pasukannya bagi mencapai visi dan misi organisasi yang telah ditetapkan (Shin, 2020). Pentadbir sekolah harus mempunyai halatuju yang jelas dalam mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan melalui sebarang langkah ataupun usaha yang dilakukan (Murgaya

& A Hamid, 2020). Namun, mereka juga hendaklah memahami dasar organisasi masing-masing dan beriktihar untuk melaksanakannya.

Negara atau negeri yang tidak mempunyai dasar-dasar tertentu akan kelihatan pincang dan sukar bagi pemimpinnya mentadbir atau merancang pembangunan. Ini bererti, pembangunan sukar dilaksanakan tanpa adanya dasar yang menjadi asas atau tapak yang kukuh. Selain itu, dasar amat penting dibentuk dan dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani pelbagai masalah yang timbul ekoran kesan peninggalan penjajah. Selepas merdeka, banyak negara bekas jajahan menghadapi masalah ekonomi yang teruk seperti ketidakseimbangan ekonomi, ketergantungan pada satu sektor ekonomi (seperti pertanian), dan ketidaksamaan sosioekonomi yang luas. Oleh itu, dasar kerajaan bertujuan untuk memperbaiki struktur ekonomi yang diwarisi daripada penjajah melalui pelbagai strategi pembangunan ekonomi yang lebih menyeluruh dan inklusif. Contohnya, Malaysia memperkenalkan Rancangan Malaysia untuk memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang antara kaum dan wilayah. Keperluan dasar ialah untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan yang wujud di dalam masyarakat dan ini dapat menjamin kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Dasar-dasar dibentuk bukan sahaja oleh negara-negara maju sahaja, bahkan yang lebih penting lagi bagi negara yang sedang membangun seperti Malaysia termasuklah negeri Kelantan.

Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang berada di bawah Persekutuan Malaysia dan mempunyai dasarnya yang tersendiri. Proses merancang, menganalisis dan mengadakan perubahan demi perubahan terhadap dasar-dasar yang sedia ada perlu dilaksanakan di samping membuat dasar-dasar baharu yang bersesuaian. Bagi memastikan penyampaian dasar yang berkesan, seseorang pemimpin atau pentadbir perlu mempunyai kompetensi yang sesuai agar keberkesanan sesuatu dasar dapat dihayati pada peringkat komuniti.

## SOROTAN LITERATUR

Kompetensi telah didefinisikan dengan pelbagai cara mengikut pendekatan yang digunakan oleh pengkaji. McClelland (1973) mendefinisikan kompetensi sebagai ciri asas yang membezakan antara seseorang yang dapat menunjukkan prestasi kerja yang baik dengan seseorang yang tidak dapat menunjukkan prestasi kerja yang baik. Rychen dan Salganik (2003) pula mendefinisikan kompetensi sebagai pengetahuan dan kemahiran serta keupayaan untuk memenuhi permintaan yang kompleks dengan mengarah dan menggerakkan sumber psikososial. Mohd. Suryadi Syarief (2009) pula mendefinisikan kompetensi sebagai keupayaan untuk menjalankan tugas yang diberikan.

Program libat urus adalah sesi perjumpaan dan perundingan dengan kumpulan sasaran. Ianya merupakan satu proses pembuatan keputusan dalam pengurusan organisasi yang dilakukan, dengan membenarkan dan menggalakkan pengetua untuk turut serta, melalui perkongsian pendapat dan idea. Keputusan yang dicapai melalui proses ini dianggap lebih berkualiti memandangkan pengetua juga merupakan golongan penting dalam membuat keputusan.

Justeru, bagi memastikan samada berjaya atau gagalnya dasar Kerajaan Negeri Kelantan, peranan kompetensi pengurus sekolah atau dalam konteks Yayasan Islam Kelantan (YIK) sebagai pengetua memainkan peranan yang sangat penting. Mereka juga bertanggungjawab dalam memastikan dasar-dasar Negeri Kelantan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Libat urus komuniti dalam kalangan pengetua YIK, merupakan satu aspek yang penting dalam menentukan kejayaan penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri. Sebagai sebuah institusi yang berorientasikan pendidikan, YIK perlu berperanan aktif membangunkan warganya untuk menjayakan hasrat kerajaan negeri. Warga yang produktif dalam kajian ini merujuk kepada pengetua yang mempunyai kompetensi, pengetahuan dan kemahiran tertentu dan boleh dibangunkan secara berterusan selari dengan keperluan negeri. Sebagai pemimpin yang dilantik secara formal oleh kerajaan negeri dalam organisasi di sekolah, pengetua YIK bukan sahaja memainkan peranan selaku pemimpin dan pengurus di sekolah, bahkan terlibat dalam penggubalan dan penyampaian dasar-dasar negeri Kelantan. Pengetua harus terlebih dahulu memahami apakah isu-isu yang berlaku dalam masyarakat, sebelum terlibat untuk menggubal, seterusnya menyampaikan dasar tersebut kepada masyarakat. Dalam konteks Malaysia, Zakaria (1996) menyatakan bahawa pemimpin sekolah yakni pengetua mesti mempunyai kemahuan kuat untuk memimpin, mempunyai visi, contoh yang baik, berilmu, proaktif, rajin, tidak mudah mengalah dan mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi.

Pengetua adalah pemimpin di sesebuah sekolah dan memikul tanggungjawab yang amat penting dalam sistem sekolah. Malah kejayaan atau kegagalan sesebuah sekolah selalu dikaitkan dengan kepimpinan seseorang pengetua (Hasifah Hassan dan Muhammad Faizal A.Ghani 2022). Kejayaan atau kegagalan sesuatu dasar itu juga bergantung kepada kompetensi dan pengurusan kualiti pengurus termasuklah pengetua. Ini bermaksud peranan pengetua YIK bukan sahaja setakat memastikan kecemerlangan serta pencapaian di sekolah semata-mata, malahan sebagai seorang ketua, pengetua YIK juga hendaklah menggerakkan orang bawahannya agar memahami dasar-dasar negeri, supaya organisasi YIK akan lebih sensitif dan bergandingan bagi menangani arus perubahan yang melanda negara Malaysia dan juga negeri Kelantan. Penglibatan mereka dalam komuniti dapat menjayakan proses penyampaian dasar-dasar kerajaan.

## METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif melibatkan kajian lapangan seperti temu bual, pemerhatian dan tinjauan dokumen, yang telah digunakan dalam kajian kes, bagi mengenal pasti kompetensi libat urus komuniti dalam kalangan pengetua YIK terhadap penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri. Data dikumpulkan dan dicerakinkan bagi mendapatkan penemuan. Menurut Merriam (1998), kualitatif merupakan satu usaha untuk memahami sifat suasana dan pengalaman yang diperolehi oleh orang lain dalam sesuatu konteks. Ini bertujuan supaya pengkaji dapat memahami kompetensi libat urus pengetua YIK dalam penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri. Temu bual yang digunakan dalam kajian ini telah diuji kesahan melalui penilaian pakar yang arif dalam pengurusan dan pentadbiran serta penyelidikan.

Patton (1980) menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Merriam (1998) menyatakan pula terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan reka bentuk kajian kes iaitu mengadakan temu bual dengan informan untuk mendapatkan data serta maklumat. Kaedah temu bual secara separa berstruktur diadakan dengan menggunakan protokol temu bual. Protokol temu bual dibuat untuk dijadikan panduan dalam melakukan temu bual, supaya temu bual yang dilakukan lebih terarah dan tidak terkeluar daripada permasalahan kajian yang dijalankan. Soalan temu bual dibina oleh penyelidik berdasarkan persoalan kajian seperti profil informan, kompetensi libat urus komuniti dalam kalangan informan terhadap penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri dan sebagainya. Kajian kepustakaan juga digunakan bagi memperoleh kajian lepas berkaitan libat urus komuniti dalam kalangan pengetua terhadap penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri.

Seramai enam orang pengetua telah dipilih dalam kajian ini. Di antara mereka ada yang telah bersara, dan ada juga yang telah menjadi wakil rakyat serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Pemilihan pengetua juga berdasarkan pengalaman mereka dalam mentadbir sekolah dan bergiat aktif dalam komuniti, di samping cadangan dari pihak YIK sendiri. Kajian ini memberi fokus kepada kompetensi libat urus komuniti dalam kalangan pengetua YIK terhadap penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri. Impak hasil kajian ini terbatas kepada reka bentuk kajian yang dikemukakan. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes di pelbagai tapak lokasi. Oleh yang demikian, dapatan maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan latar belakang, pengetahuan, pemahaman, pengalaman dan perspektif pengetua yang terpilih sahaja.

Untuk menganalisis data kualitatif dari temu bual yang dilakukan, beberapa langkah telah dilakukan oleh pengkaji. Pertama, rakaman temu bual diubah menjadi teks bertulis. Setelah itu, transkrip dibaca untuk mendapatkan pemahaman umum. Kemudian, tema atau pola yang berulang diidentifikasi dan diberi kod. Kod-kod tersebut dikelompokkan menjadi tema utama. Seterusnya, jawapan antara informan dibandingkan untuk menemukan pola umum. Akhirnya, penemuan kajian dituliskan dengan kutipan yang mendukung dan disusun dalam laporan yang ringkas.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa konsep kompetensi yang diamalkan oleh pengetua dalam libat urus bersama komuniti dalam penyampaian dasar. Setiap satu daripada konsep tersebut adalah amalan yang diamalkan berdasarkan kenyataan yang dikemukakan dalam temu bual yang dilaksanakan serta disokong oleh pemerhatian dan analisis dokumen.

Secara umumnya, kompetensi libat urus komuniti dalam kalangan pengetua YIK terbahagi kepada lima bahagian:

1. Kompetensi pengetua dalam membina hubungan dengan ibubapa.

Sikap pengetua yang mengamalkan corak komunikasi secara terbuka kepada seluruh warga sekolah dan ibu bapa juga dapat mewujudkan ciri iklim sekolah berkesan (Ahmad Zabidi Abdul Razak, 2006). Pendekatan ini amat mustahak untuk diamalkan kerana dalam menentukan kejayaan penyampaian dasar yang melibatkan ibubapa dengan pihak sekolah, peranan pengetua cukup penting.

Berdasarkan profil pengetua berkesan menurut model Malaysia (Institut Aminuddin Baki 1998), kesimpulan daripada dapatan kajian yang dibuat di sekolah-sekolah di Malaysia menyatakan bahawa antara ciri penting pengetua berkesan ialah pengetua atau guru besar yang mengamalkan cara berkomunikasi yang cekap dalam pelbagai hala dan cara. Sekiranya pengetua tidak mengamalkan konsep terbuka, ini akan menyukarkan pengetua untuk mendapat maklum balas yang diperlukan untuk menggubal dasar, serta mengemas kini perancangan yang sedang dibuat bagi meningkatkan keberkesanan sekolah.

Di samping itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, melalui anjakan yang kesembilan, telah memberikan penekanan terhadap

penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta dalam memperkasakan sekolah. Justeru, pengetua hendaklah melibatkan semua pihak dalam membawa halatuju sekolah, dan menggubal dasar yang bersesuaian dengan persekitaran sekolah. Perkongsian tanggungjawab antara ibu bapa, komuniti dan sekolah merupakan satu inisiatif utama dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkualiti untuk murid-murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menurut informan 1, perkara yang paling utama ialah membina hubungan baik dengan komuniti, termasuk ibubapa. Ini kerana, komuniti akan menghormati dan mempercayai pengetua, melalui *qudwah* yang ditunjukkan, seterusnya menjadikan pengetua sebagai tempat rujukan. Ketika itulah pengetua dapat mengambil peluang untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan.

Ini turut diakui oleh informan 3 yang menyatakan bahawa dengan selalu mengadakan perjumpaan, gotong-royong, seminar, kuliah dan sebagainya akan merapatkan lagi hubungan dengan komuniti dan juga ibubapa.

*Informan 1: Pertama sekali bina hubungan baik dengan komuniti. Komuniti ni dia menghormati kita, kalau kita boleh bantu dia sekali dua, dia lebih dekat dan mempercayai kita, dengan qudwah yang ada pada kita. Jadi dia menjadikan kita sebagai tempat rujukan. Ketika itulah kita boleh beritahu. Maknanya ada hubungan baik.*

*Informan 3: Kita buat program, ikutlah program gotong royong, program pungut derma, sebarang program lah. Lepas tu kita ada buat apa nama ni seminar, kuliah dan sebagainya. Maknanya membina hubungan dengan komuniti.*

Berdasarkan dapatan, pengetua selaku penasihat PIBG di sekolah telah memainkan peranan yang penting untuk menghubungkan sekolah dengan ibubapa. Penglibatan mereka dalam penyampaian dasar dengan mengambil kira pandangan dari pihak ibubapa di dalam pertemuan yang diadakan seperti mesyuarat ahli jawatankuasa PIBG, mesyuarat agung PIBG, majlis himpunan solat hajat ibubapa, motivasi keibubapaan, majlis penyerahan slip keputusan peperiksaan dan sebagainya. Proses ini memerlukan pengetua bersikap terbuka, menerima pandangan serta mesra terhadap ibubapa. Sebarang maklum balas dan cadangan daripada ibubapa akan dijadikan sebagai satu resolusi yang akan diserahkan kepada pihak yang berkenaan, sebelum kerajaan melihat keperluan dan

rasional dalam menggubal atau memperkembangkan dasar yang sedia ada.

*Informan 2: Pertama melalui PIBG. Sebagai contoh, bila PIBG, kita punya suara dan peluang untuk kita menyampaikan dasar-dasar kepada ibubapa secara langsung.*

*Informan 5: Masyarakat memang memberi kepercayaan dan keyakinan kepada pengetua khususnya pengetua-pengetua YIK kerana mereka yakin dan percaya ustaz ataupun pengetua YIK ini mempunyai ketinggian ilmu, kemampuan berinteraksi dengan masyarakat, mempunyai sistem komunikasi yang baik. Itu di antara faktor masyarakat di luar sana dapat menerima pengetua sebagai pembawa dasar di peringkat surau, masjid dan sebagainya, kerana mereka mempunyai keyakinan kepada kita berdasarkan kepada keilmuan yang kita miliki.*

*Informan 6: Dengan komuniti ni, contoh kerajaan menubuhkan Majlis MPKK di peringkat jawatankuasa kampung. Jadi melalui itulah kita turun. Contoh kita buat pertandingan halaman ceria, dasar kerajaan Kelantanku Bersih tadi. Jadi semua komuniti kampung tu beri kerjasama.*

Disamping itu juga, Pusat Kajian Strategik (PKS) yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri, telah membuat berbagai kajian, penelitian dan sebagainya untuk diajukan kepada komuniti, termasuk ibubapa, sebelum sesuatu dasar itu digubal. Mereka telah mengambil kira pandangan komuniti setempat dengan cara turun padang ke semua 45 DUN untuk berjumpa dengan masyarakat serta mendapatkan maklum balas berkaitan dasar-dasar dan polisi kerajaan selama tempoh 33 tahun pentadbiran kerajaan Membangun Bersama Islam.

2. Kompetensi pengetua dalam menyampaikan ilmu-ilmu semasa di masjid termasuk dasar-dasar kerajaan.

Terdapat banyak takrif dakwah yang diberikan oleh para ulama. Antaranya Syeikh Muhammad Khodri Husin yang menyatakan dalam kitabnya *Dakwah I'la Islah* bahawa dakwah Islamiyah ialah galakan kepada manusia ke arah kebaikan dan petunjuk, mengajak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran supaya memberi kegembiraan di dunia dan akhirat (Khodri 2010). Manakala, menurut Ain Nabila dan Khazri Osman (2022), dakwah merupakan perlaksanaan terhadap perintah Allah, iaitu menyeru manusia ke arah

ajaran Islam yang meliputi persoalan teologi, syariah, akhlak, dan institusi.

Komitmen yang tinggi terhadap konsep dakwah semasa ini turut membuahkan hasil dalam usaha menyampaikan dasar-dasar kerajaan. Keseluruhan subjek kajian memperkatakan tentang kepentingan penglibatan di dalam menyampaikan ilmu-ilmu di masjid dan dalam masa yang sama turut menyelitkan dasar-dasar kerajaan di dalam kuliah mereka.

*Informan 1: Dalam kuliah, walaupun kuliah itu di masjid, orang awam ada situ. Mana-mana yang ada kaitan kita selit sikit, sebab tajuk yang kita bincang mesti ada terlibat.*

*Informan 2: Secara peribadi bila ana terlibat dengan masyarakat secara langsung melalui kuliah dan ceramah tertentu atau tazkirah tertentu, maka ana mengambil peluang menggunakan medium dakwah ini untuk menerangkan pelbagai perkara termasuk dasar-dasar tadi.*

Selaku pengetua yang aktif, mereka bukan hanya menjalankan tugas untuk membangunkan sekolah semata-mata, bahkan mereka juga terlibat dengan komuniti seperti menyampaikan ceramah di masjid-masjid, surau, dan sebagainya. Dalam ertikata yang lain, pengetua juga terlibat secara langsung sebagai pendakwah, iaitu mengajak orang ramai ke arah kebaikan. Dalam masa yang sama, peluang ini dapat digunakan untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan, disamping menyampaikan ilmu-ilmu agama dan isu-isu semasa kepada komuniti.

*Informan 4: Peluang mengajar di masjid satu peluang untuk sebar dasar kepada rakyat. Saya tidak nampak macam orang parti, terbuka sikit, orang nampak saya terbuka menyebabkan orang ramai boleh terima.*

Peluang mengajar atau menyampaikan ilmu di masjid merupakan satu wasilah untuk menyebarkan dasar kepada rakyat. Penglibatan mereka yang tidak terlalu menonjolkan kecenderungan kepada mana-mana parti politik, dan bersifat terbuka menyebabkan orang ramai boleh menerima apa yang disampaikan. Di antara pengetua yang ditemui juga merupakan pegawai takmir lantikan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Ini merupakan satu peluang yang terbaik bagi menyampaikan hasrat dan dasar-dasar kerajaan khususnya kerajaan negeri kepada komuniti, jemaah dan sebagainya. Ada juga yang telah dilantik sebagai guru Halaqat, Guru Agama MAIK dan dalam masa yang sama memegang amanah sebagai pengetua. Justeru peluang ini telah digunakan semaksima

mungkin untuk menyampaikan hasrat dan dasar kerajaan melalui kuliah, forum dan ceramah kepada komuniti.

Di antara dasar kerajaan yang disampaikan kepada mereka ialah berkaitan dengan konsep UMI (Ubudiyah, Mas`uliyah dan Itqan). Dasar ini tidak boleh dipisahkan dengan semua anggota masyarakat kerana semua amalan akan dilihat, dinilai dan dicatat oleh Allah SWT. Keberhasilan kerja ini adalah bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan seseorang itu kepada Allah SWT. Sepanjang menyampaikan ceramah, konsep itulah yang selalu ditekankan oleh mereka, iaitu penekanan tentang dasar UMI yang telah dilaksanakan di negeri Kelantan sepanjang 33 tahun pentadbiran kerajaan Membangun Bersama Islam. Justeru keterlibatan mereka dalam konsep dakwah ini juga merupakan satu peluang untuk menyampaikan dasar kepada komuniti setempat.

Selain itu juga, kuliah merupakan satu platform ataupun saluran untuk mereka memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang dasar-dasar yang baik berasaskan Islam. Di samping itu, mereka juga menggalakkan ustaz-ustaz dan juga guru-guru yang lain untuk turut serta bersama masyarakat melalui apa jua platform yang bersesuaian, seperti kuliah, tazkirah dan sebagainya. Ini bersesuaian dengan falsafah YIK itu sendiri yang ingin mendidik masyarakat melalui pendidikan Islam, sebagaimana yang diperintah oleh Allah SWT samada melalui al Quran dan juga hadis nabi SAW.

Peranan yang dimainkan oleh pengetua ini juga telah menaikkan nama Kelantan sebagai sebuah negeri yang terkehadapan dalam bab keagamaan sehingga digelar Serambi Mekah. Ini bertepatan dengan hasrat Mantan Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat yang ingin menjadikan negeri Kelantan sebagai negeri yang maju dalam pembangunan Islam, sementara rakyatnya bertaqwa kepada Allah SWT. Penglibatan pengetua dalam kuliah di masjid merupakan satu ruang dakwah.

Di samping mengajar di masjid, ada juga pengetua yang dijemput untuk menyampaikan ceramah agama di jabatan-jabatan kerajaan. Peluang ini juga dapat diambil oleh pengetua untuk menyampaikan ilmu dan dalam masa yang sama dapat menyampaikan dasar-dasar kerajaan.

### 3. Kompetensi penglibatan pengetua dalam aktiviti-aktiviti sosial (NGO)

Pertubuhan bukan kerajaan atau NGO adalah organisasi yang ditubuhkan untuk memperjuangkan suatu kepentingan awam dan bukannya bersifat individu atau

komersial. Sinonim dengan istilah NGO ialah CSO (Civil Society Organization) dan organisasi sukarela (Dr Norma Mansor, 2014). Kerja amal atau sukarelawan adalah satu aktiviti yang melibatkan komuniti dalam membantu mereka yang memerlukan, seperti aktiviti bergotong-royong atau menyampaikan bantuan makanan kepada mangsa banjir dan sebagainya. Pengetua yang ditemubual, juga memegang jawatan dan terlibat aktif di dalam badan bukan kerajaan (NGO) samada sebagai pengerusi ataupun Ahli Jawatankuasa (AJK). Keterlibatan ini membuktikan bahawa mereka bukan sahaja memfokuskan kepada pengurusan sekolah sahaja, bahkan terlibat juga di dalam komuniti iaitu menjaga dan memberikan kebajikan kepada mereka.

Mereka berpandangan bahawa terdapat NGO yang bersifat mendesak, tetapi sebenarnya bertujuan membantu menampung kelompangan yang ada pada pihak kerajaan, sebagaimana pembangkang yang menegur mana-mana kekurangan yang ada, dengan bertujuan untuk memperbaiki. Justeru, kerajaan wajar mengambil kira pandangan yang dilontarkan oleh pengetua melalui NGO, samada di dalam mesyuarat, seminar dan sebagainya.

Melalui dapatan yang diperolehi oleh pengkaji, penglibatan pengetua di dalam NGO yang adakalanya ditubuhkan oleh orang-orang yang berpengaruh ini, telah membantu pihak kerajaan samada secara langsung ataupun tidak, begitu juga golongan tertindas, fakir miskin dan mereka yang memerlukan kepada bantuan. Peranan NGO cukup penting, namun memerlukan kepada perancangan yang tersusun serta kolaborasi yang lebih baik. Penglibatan NGO dalam pengurusan bencana seperti banjir telah dapat menangani beban dan kesusahan hidup rakyat. Mereka amat membantu dalam kerja-kerja kebajikan di mana kerajaan tidak mungkin berupaya melakukan kerja-kerja ini tanpa bantuan serta penglibatan daripada NGO.

Menerusi penglibatan di dalam NGO seperti pengerusi AADK di peringkat komuniti, pengerusi Pertubuhan Kanak-Kanak Kurang Upaya, maka banyak dasar seperti Dasar Kebajikan, Dasar Wanita dan Dasar OKU telah dapat disampaikan kepada golongan sasaran. Tanggungjawab kerajaan negeri ialah mendekati NGO, supaya mereka dapat menyokong dan membantu dalam menyampaikan dasar-dasar kerajaan.

*Informan 1: NGO yang ada banyak mendesak. Tapi mendesak tu untuk membantu sebenarnya. Jadi kerajaan kadang-kadang mana yang lompong tu didesak oleh NGO. NGO ada peranan yang baik serupa pembangkang jugak.*

*Informan 3: Sebenarnya NGO pun, ada NGO yang pro pada kerajaan dan ada NGO yang tidak kerajaan negerilah. Biasa NGO hok yang pro kerajaan negeri dia libat samalah untuk menyampaikan segala mesej-mesej yang disuruh oleh kerajaan sendirilah. Maknanya matlamat Allah dan target kerajaan tu semuanya dimaklum sebagaimana NGO ni terlibat sama.*

Matlamat NGO bertujuan membantu kerajaan terutama sekali Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mereka telah mengagihkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan, dengan menggunakan dana ataupun sumbernya sendiri dan tidak bergantung kepada kerajaan. Sumbangan daripada golongan hartawan, korporat, dan orang ramai telah digunakan untuk membantu mereka yang memerlukan. Ini membuktikan bahawa mereka ini membantu Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan, terutama sekali Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya.

Di samping itu, terdapat juga pengetua yang memegang jawatan sebagai pengerusi alumni. Peluang yang ada ini telah digunakan untuk memahamkan mereka tentang tanggungjawab pendidikan yang berasaskan ketuhanan. Itulah kelebihan yang ada pada pengetua YIK, kerana selain terlibat dalam dunia pendidikan, mereka juga dapat menyalurkan jasa melalui platform NGO dan sebagainya. Kepakaran yang dimiliki telah banyak membantu masyarakat dan juga kerajaan. Contohnya untuk menjayakan program Kelantanku Bersih, banyak NGO seperti Persatuan Perubatan Ibnu Sina (PAPISMA), Jabatan Amal, Misi Kembara Dakwah dan sebagainya telah membantu kerajaan dalam melaksanakan dasar tersebut.

*Informan 6: NGO juga banyak membantu dasar-dasar kerajaan. Contohnya Kelantanku Bersih. Jadi NGO-NGO macam Papisma, Jabatan Amal, Misi Kembara Dakwah dan sebagainya ni membantu kerajaan melaksanakan dasar Kelantanku Bersih, contohnya. Itulah hasrat sebenarnya, NGO, dia membantu kerajaan.*

4. Kompetensi pengetua dalam mendokong program dan aktiviti komuniti anjuran kerajaan semasa (*government of the day*)

Wala' ataupun memberi ketaatan kepada kerajaan yang ada merupakan satu kemestian. *Wehdatul fikri* serta penyatuan pemikiran di antara pengetua dan juga kerajaan mestilah diselaraskan. Di samping itu, bertolak ansur juga merupakan satu perkara yang mesti ditekankan di dalam melaksanakan arahan yang

dikehendaki oleh kerajaan, serta mensepakati segala keputusan, dan memberikan kerjasama yang terbaik dalam menyampaikan dasar kerajaan.

Penjawat awam yang menjadi nadi dan tunjang kepada negara perlu berkhidmat kepada kerajaan yang memerintah atau “*government of the day*”. Melalui akujanji yang dilakukan, penjawat awam harus meneruskan komitmen dan kebertanggungjawaban untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dengan melaksanakan dasar kerajaan yang memerintah. Sebagai pegawai yang berkhidmat dengan kerajaan negeri, pengetua hendaklah sentiasa menyokong dan mendokong segala dasar dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan semasa, selagi mana ianya tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Ini diakui sendiri oleh pengetua yang pernah terlibat dengan dasar pendidikan. Beliau telah diberi tanggungjawab untuk mengembangkan pendidikan Islam di Kemboja, dan telah mengadakan kerjasama di atas dasar kerajaan dengan kerajaan, walaupun berlainan fahaman dan juga parti politik.

Seseorang pengetua tidak mampu untuk melaksanakan tugasnya secara berseorangan. Di peringkat sekolah dia memerlukan pembantu seperti penolong kanan, barisan guru-guru kanan dan juga panitia. Dalam konteks yang lebih luas lagi, dia memerlukan kerjasama PIBG dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat. Seterusnya, dia memerlukan kepada sokongan daripada majikan iaitu Yayasan Islam Kelantan. Apabila sesuatu tindakan yang diambil mendapat sokongan yang mantap daripada pihak-pihak yang disebutkan tadi, telah membantu melancarkan lagi gerakerja seseorang pengetua. Kerjasama daripada semua pihak termasuk kerajaan amat diperlukan. Sementara itu, pihak YIK dan kerajaan negeri pula hendaklah memberikan taklimat khusus kepada pengetua tentang dasar-dasar dan juga halatuju kerajaan. Kadang-kadang ada juga pengetua yang kurang memahami dasar-dasar kerajaan. Justeru menjadi tanggungjawab kepada pihak YIK dan Exco Kerajaan Negeri untuk memberikan taklimat kepada pengetua supaya mereka dapat mengetahui secara jelas tentang dasar-dasar kerajaan.

Pengetua YIK juga telah memainkan peranan dalam penyampaian dasar kerajaan negeri melalui platform lain termasuklah dilantik sebagai Ahli Majlis Daerah bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dengan kuasa yang diberikan, mereka dapat merealisasikan dasar Membangun Bersama Islam. Melalui jawatankuasa Potfolio Pembangunan Islam contohnya, mereka telah membuat pemantauan dan pemeriksaan melalui penguatkuasa yang telah dilantik, untuk mencegah sebarang kemungkaran yang berlaku seperti

mengambil tindakan kepada pekerja muslimah yang tidak menutup aurat, mengenakan kompaun kepada pemilik rumah-rumah tumpangan yang tidak mematuhi syariah dan menyerbu tempat-tempat maksiat. Semua itu dilakukan untuk melaksanakan dasar kerajaan melalui PBT.

Pengetua juga telah memberikan kerjasama dalam membantu dasar-dasar kerajaan melalui penglibatan mereka di dalam program yang dianjurkan oleh Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) seperti menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan, serta menjadi jawatankuasa program Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK). Mereka juga sentiasa berhubung dan membuat kerjasama dengan agensi yang menjadi teras pentabiran dan kestabilan pihak kerajaan seperti Urus Setia Belia dan Sukan (U-BES), Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN), Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KEKWA), Majlis Daerah dan sebagainya.

#### 5. Kompetensi pengetua dalam menyelesaikan masalah setempat.

Penyelesaian masalah setempat menjadi fokus utama kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Isu-isu yang sering melanda rakyat seperti isu banjir, kebersihan, jalanraya rosak dan longkang tersumbat perlu ditangani segera. Dalam konteks pengetua YIK, ada di kalangan mereka yang telah dilantik sebagai ahli kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Di sinilah mereka dapat memainkan peranan untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam komuniti seperti masalah infrastruktur dan juga masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Melalui penglibatan mereka di dalam pihak PBT ini, mereka dapat membawa suara komuniti semasa di dalam mesyuarat dan sebagainya, yang akhirnya dapat menyelesaikan permasalahan tersebut. Disinilah menunjukkan bahawa peranan pengetua yang aktif dalam komuniti dapat menjadi penghubung di antara rakyat dengan kerajaan.

Hubungan baik di antara pengetua dengan komuniti juga merupakan faktor penting dalam membina keyakinan komuniti agar menghormati mereka. Keyakinan ini semakin bertambah apabila pengetua dapat membantu menyelesaikan permasalahan mereka. Peribadi mulia yang ditonjolkan oleh pengetua akan menambahkan lagi kepercayaan mereka, serta menjadi rujukan di dalam masyarakat.

Di samping itu juga, pengetua selalu mengadakan perjumpaan dengan komuniti samada secara langsung

ataupun tidak, menjayakan program bersama seperti gotong royong, program memungut derma, menghadiri kenduri, mengadakan seminar, kuliah dan sebagainya. Dengan cara ini, hubungan dengan komuniti dapat dibina.

Mengambil pengalaman daripada pengetua yang ditemui, sebelum menyampaikan dasar, beliau terlebih dahulu berkunjung ke pejabat penggawa, DO atau ketua jajahan, pejabat tanah, polis, bomba, pimpinan komuniti, NGO dan sebagainya, serta mengadakan perbincangan dengan mereka tentang bagaimana hendak menyampaikan sesuatu dasar. Mereka mengadakan pertemuan terlebih dahulu, dan membina hubungan yang baik dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Masyarakat sememangnya memberi kepercayaan dan keyakinan kepada pengetua khususnya pengetua-pengetua YIK kerana mereka yakin dan percaya kepada ketinggian ilmu yang dimiliki, di samping kemampuan berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik. Itu di antara faktor masyarakat dapat menerima pengetua sebagai pembawa dasar, kerana mereka mempunyai keyakinan berdasarkan kepada keilmuan yang dimiliki. Informan 3: *Apabila saya sebagai pemimpin di peringkat komuniti, pemimpin di peringkat sekolah, pemimpin di peringkat PBT, pembuat dasar dan sebagainya, itu merupakan peluang yang terbaik untuk kita menyampaikan hasrat dan dasar kerajaan.*

Melalui komuniti, kerajaan telah menubuhkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Berbagai-bagai program telah diadakan seperti pertandingan halaman ceria, penerangan dasar kerajaan seperti Kelantanku Bersih dan sebagainya. Semua komuniti kampung telah memberikan kerjasama untuk menjayakan program ini. Walaupun peruntukan yang diberikan tidaklah besar, tetapi di atas semangat kemasyarakatan mereka rela mengeluarkan belanja sendiri untuk menjayakan program tersebut.

Kajian ini mendapati bahawa kompetensi libat urus komuniti dalam kalangan pengetua YIK terhadap penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri Kelantan adalah merupakan satu perkara yang tidak dapat dinafikan. Pengetua YIK telah memainkan peranan yang penting dalam penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri Kelantan, seterusnya menjayakan dasar tersebut. Di antara peranan yang telah dimainkan oleh pengetua YIK adalah sepertimana berikut:

i. Menyampaikan dasar kepada masyarakat melalui penglibatan dalam komuniti seperti menjadi imam atau khatib di masjid, menyampaikan kuliah dan sebagainya. Semasa menyampaikan khutbah atau ceramah, pengetua juga dapat menerangkan dasar kerajaan

kepada masyarakat. Ini secara tidak langsung menyebabkan maklumat mengenai dasar-dasar negeri sampai kepada mereka.

ii. Melalui penglibatan pengetua di dalam Persatuan Ibubapa Dan Guru (PIBG) pula, pengetua telah menyampaikan dasar-dasar tersebut ketika mengadakan mesyuarat ahli jawatan kuasa (AJK), dan juga ketika mesyuarat agung PIBG yang diadakan setiap tahun di sekolah. Melalui pendekatan ini, para ibubapa akan mendapat maklumat mengenai dasar tersebut. Pengetua juga dapat menyampaikan dasar ketika bercakap atau berbual dengan ibubapa secara tidak langsung.

iii. Di sekolah, pengetua dapat menyampaikan dasar kerajaan negeri kepada warga sekolah terutamanya guru-guru dan pelajar ketika bermesyuarat, semasa perhimpunan, tazkirah, usrah dan sebagainya.

iv. Bagi pengetua yang terlibat sebagai Ahli Majlis bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mereka telah mengemukakan cadangan ataupun idea tentang penggubalan dan penyampaian dasar kepada rakyat. Ini dapat direalisasikan melalui program dan kempen yang telah diadakan.

v. Pengetua juga mempunyai hubungan yang baik dengan komuniti atau masyarakat setempat seperti ibubapa, ketua kampung atau penghulu, imam dan sebagainya. Mereka juga telah melibatkan komuniti sekitar dalam menjayakan aktiviti-aktiviti sekolah seperti gotong royong, mengadakan solat hajat dan aktiviti-aktiviti yang lain. Ini kerana sekolah dan masyarakat mempunyai hubungan. Hubungan antara sekolah dan masyarakat merupakan suatu bentuk jaringan interaksi yang kompleks (Amir Hasan Dawi, 2009).

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian secara keseluruhannya, dapat disimpulkan di sini bahawa kompetensi libat urus komuniti dalam kalangan pengetua YIK terhadap penyampaian dasar-dasar kerajaan negeri mampu mempercepatkan pemahaman dan penghayatan dasar-dasar kerajaan negeri Kelantan. Justeru, diharap kajian ini mampu memberi impak kepada kejayaan pelaksanaan dan penyampaian dasar di negeri Kelantan, meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan juga rintangan. Kejayaan dasar pada hari ini menuntut kepada kerjasama dari pelbagai pihak, bermula dari pemimpin tertinggi



hinggalah kepada rakyat biasa, agar negeri Kelantan juga dapat bersaing dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Matlamat ini akan dapat direalisasikan dengan kerjasama semua pihak termasuklah pengetua-pengetua YIK.

## RUJUKAN

- Abdul Shukor Abdullah. (2004). *Pengurusan Organisasi: Perspektif Permikiran dan Teori*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak, *Jurnal Pendidikan* 31 (2006) 3 - 19 3 Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran,
- Ain Nabila Safirah Mohd Hanafiah, Khazri Osman (2022). Konsep Amar Makruf Nahi Munkar Dalam Dakwah. Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022, Interaksi Dakwah Di Malaysia Merentas Zaman, 14-15 Julai 2022, Fakulti Pengajian Islam, UKM
- Ariyani, N. I., & Nurcahyono, O. (2014). Digitalisasi Pasar Tradisional: Perspektif Teori Perubahan Sosial. *Jurnal Analisa Sosiologi*, 3(1), 1–12.
- Ayob Jantan (2005). *Pengetua sekolah yang efektif*. Siri Pengurusan Sekolah. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Berita Harian Online, November 6, 2014
- Chua Yan Piaw (2014). *Kaedah & Statistik Penyelidikan Buku 5, Ujian Regrasi, Analisis Faktor & Analisis SEM*. McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Emma binti Tangkas, Syahrudin Awang Ahmad (2022), *Dinamika Pengetua Wanita Sebagai Agen Perubahan Di Sekolah Berpaksikan Gaya Komunikasi Dinamik: Satu Perspektif*. *Jurnal Kinabalu Bil. 28*, 98-123,
- Hanim Ismail, Kartini Aboo Talib@Khalid, Nurul Asmaa Ramli (2021). Teori Kitaran Dasar: Penilaian Terhadap Implementasi Dasar Pandang ke Timur di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 8, (page 308 - 318),
- Hasifah Hassan, Muhammad Faizal A. Ghani (2022). Pengaruh Komitmen Guru Dan Penyeliaan Guru Besar Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Di Sekolah Rendah Daerah Tenom, Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, Bil. 9, Isu 1*
- Hussein Mahmood (1989). *A study of principals' perception of their competency needs in instructional leadership*. Disertasi Doktor Falsafah, University of Michigan.
- Ibrahim Mamat (2001). *Pengetua Sekolah Menangani Isu Dan Cabaran Kepemimpinan*. Kumpulan Budiman: Kuala Lumpur.
- Jemaah Nazir Sekolah (2006). *Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKPM)* Institut Aminuddin Baki: Genting Highlands.
- Laporan Pemantauan Kolaboratif Peningkatan Pengurusan Akademik (2006). Jabatan Pelajaran Negeri Pahang: Sektor Pengurusan Akademik.
- Liang Fei Shin, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (2020). *Kompetensi Kepimpinan Perubahan Pengetua Dan Efikasi Kendiri Guru: Suatu Pemerhatian Awal*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, (page 90 - 97). Volume 5, Issue 9.
- Ma'sa, I. (2017). *Kompetensi Pengetua Sekolah Menengah Vokasional Di Sulawesi Selatan*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mahizer Hamzah, Yusup Hashim, Ismail Abdul Raoh (2008). *Kajian Tahap Kompetensi Pengetua/Guru Besar Sekolah Terhadap Pengurusan Teknologi Instruksional Di Sekolah*. Dalam Rozhan M. Idrus, eds. *2nd International Malaysian Educational Technology Convention* (pp. 393-401), Kuantan, Pahang
- Mohd Fadli Ghani, Head, House of Resources, Pusat Penyelidikan Pas 13 Januari 2018 – Harakahdaily 21/1/2018
- Mohd Fatah al-Bayanuni, 1995. *Al-Madkhal Ila Ilmi Ad-Dakwah*, Madinah Munawwarah: Dirasat -Manhajiyah Syamilah, 1995, hlmn 14.
- Mohd Yusri Ibrahim, Aziz Amin (2014). *Model Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Dan Kompetensi Pengajaran Guru*. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. Bil. 2 Isu 1*
- Murgaya, T. S., & A Hamid, A. H. (2020). *Kepimpinan Karismatik Pentadbir dan Hubungannya Terhadap Motivasi Guru Sekolah Rendah*. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 2(4), 2682–8464. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeapJournalwebsite>:<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap>
- Musa, K., Yusof, H., Yunus, J., Hamid, S. A., & Kunci, K. (2014). *Kepimpinan Transformasional Pengetua: Perbandingan Antara Sekolah Menengah Awam Dan Swasta Cemerlang Principals' Transformational Leadership: Comparison Between Excellence Public and Private Schools*. *Management Research Journal* 120–139 *Management Research Journal*, 33, 120–139.
- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Siti Mursyidah Mohd Zin (2021). *Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar Di Pondok*, *Al-Hikmah* 13(1): 43-71
- Nur Hairani Abd Rahman, Universiti Sains Malaysia (2017). *Penyampaian Dasar Awam Di Malaysia: Kajian Terhadap Program Kawalan Tibi Kebangsaan*
- Omarin Ashaari (1999). *Pengurusan sekolah - suatu panduan lengkap*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Puan Sri Hjh. Halimah Bt. Abdul Majid et.al (2017) *Penglibatan Ibu Bapa Dan Komuniti Dalam Memperkasakan Sekolah*.
- Shin, L. F. (2020). *Kompetensi Kepimpinan Perubahan Pengetua dan Efikasi Kendiri Guru*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,

- 5(9), 90–97. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i9.473>
- Siti Sumaiyya Salim, Universiti Putra Malaysia, (2020). Kefahaman Pengetua Cemerlang Terhadap Amalan Pengurusan Islam Di Sekolah: The Understanding of Principal In Islamic Management At School.
- Suhaili Bin Jaya, & Chua, Y. P. (2019). Tahap Kompetensi Dan Hubungan Bimbingan Rakan Peningkatan Sekolah Terhadap Kompetensi Kepimpinan Pemimpin Sekolah Di Negeri Sarawak. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 16–43.
- Wan Fadhlurrahman W. Md Rasidi, Al-Amin Mydin (2020). Peranan Pemimpin Pertengahan Sekolah Dalam Menerajui Dasar Pendidikan: Suatu Sorotan Literatur Sistematis Terhadap Penyampaian Dasar MBMMBI. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
- Mohamad Yusoff  
SMU(A) Mehelih Geting, 16200, Tumpat, Kelantan
- Azizi Umar  
Institut Latihan Darul Naim (ILDAN)  
Pt 1724, Pt 1727, Jalan Tunjung - Pasir Mas, Bandar Baru Tunjung, 16010 Kota Bharu, Kelantan
- Pengarang untuk surat-menyurat;  
Email: mohamadyusoff1976@gmail.com  
No tel: 017-9209400